

**Haron Din, Karpal Singh Lapor Polis/SPR Berhubung Dakwat Kekal
Bernama
6 Mei, 2013**

KANGAR, 5 Mei (Bernama) -- Dua pemimpin Pakatan Rakyat membuat laporan masing-masing kepada polis dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mendakwa dakwat kekal yang digunakan semasa pengundian pilihan raya umum ke-13 hari ini boleh tanggal bila dibasuh dengan sabun.

Timbalan Mursyidul Am PAS Datuk Dr Haron Din membuat laporan polis di Balai Polis Kangar di sini mengatakan dakwat yang disapu di jarinya tidak kekal apabila beliau membasuh calitan dakwat itu dengan air dan sabun biasa untuk melihat sejauh mana dakwat itu kekal.

Calon PAS bagi kerusi parlimen Arau itu mengundi di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Simpang Empat pada pukul 8.25 pagi.

Ketua Polis Perlis, SAC Zull Aznam Haron berkata laporan polis yang dibuat Haron itu ialah antara 28 kes berkaitan pilihan raya umum yang dilaporkan kepada polis sejak tempoh berkempen sehingga hari mengundi.

Sementara itu di GEORGE TOWN, Pulau Pinang Pengerusi DAP Karpal Singh membuat laporan kepada SPR mendakwa dakwat di jarinya hilang selepas dicuci dengan sabun dan air selama 10 minit.

Beliau berpatah balik ke pusat pengundian di Penang Free School bagi kawasan parlimen Jelutong selepas kira-kira dua jam mengundi.

Karpal Singh membuat aduan rasmi itu kepada ketua pusat mengundi SPR di situ Ismail Pawanteh.

Ketika dihubungi pemberita di sini Ahad, Pengarah SPR Pulau Pinang, Morat Pora berkata SPR tidak akan hadir untuk memberi penjelasan dan sebarang ketidakpuasan patut dilaporkan kepada polis.

Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng pula selepas mengundi di SMJK (C) Chung Hwa Confusion di Bukit Gelugor pagi tadi, juga cuba memadamkan dakwat di jari telunjuknya di hadapan wartawan tetapi dakwat itu tidak terpadam.

Di KUANTAN, Polis Pahang mengesahkan menerima 15 laporan berhubung dakwat kekal yang tanggal selepas dibasuh dengan air atau sabun.

"Sehingga pukul 3 petang, polis menerima 10 laporan sedemikian di Rompin, dua di Bentong, masing-masing satu kes di Raub, Lipis, dan Cameron Highlands," kata Ketua Jabatan Pengurusan Ibu Pejabat Kontinjen Pahang ACP Anuar Osman kepada pemberita.

Beliau berkata laporan itu juga akan diserahkan kepada SPR.

Sementara itu Pengarah SPR Pahang Othman Noh ketika dihubungi Bernama berkata beliau belum mendapat laporan lengkap mengenai perkara itu walaupun diberitahu ada beberapa laporan polis dibuat.

"Dakwat berkenaan kalau dicuci dengan sabun tetap meninggalkan kesan, namun SPR juga tidak hanya bergantung kepada dakwat di jari kerana turut mempunyai senarai pemilih.

"Sekiranya terdapat pemilih yang datang untuk mengundi bagi kali kedua, SPR akan terus bertindak membuat laporan polis," katanya.

Di Kuching, Polis Sarawak mengesahkan menerima tiga laporan berhubung dakwat kekal yang tanggal selepas dibasuh dengan air.

Pesuruhjaya Polis Sarawak, Datuk Acryl Sani Abdullah Sani berkata laporan tersebut dibuat di Balai Polis Sebuyau, dekat sini hari ini.

"Polis menerima tiga laporan dibuat tiga adik-beradik, selepas mereka balik dari membuang undi di SK Tuanku Bagus, Batang Sadong, mereka basuh tangan dan dakwat itu hilang. Polis sudah merujuk perkara tersebut kepada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)," katanya pada sidang akhbar di Pusat Media IPK Sarawak.

Mengulas lanjut, beliau berkata secara keseluruhan, tiada ada insiden buruk berlaku sepanjang proses pengundian berlangsung di negeri ini.

"Pemantauan yang dibuat bermula pagi tadi, Sarawak nampaknya begitu tenang dan tidak ada insiden buruk dilaporkan," katanya sambil menambah polis tetap bersedia menghadapi sebarang kemungkinan.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=947588>